

HUBUNGAN FAKTOR SIKAP, MINAT, KAEDAH PEMBELAJARAN, PERSEKITARAN DAN PENGAJARAN PENSYARAH TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR KURSUS PRINSIP PEMASARAN (DPM1013) DI POLIMAS

Siti Hasmiza Hassan¹ dan Siti Fatimah Md Azali²

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Jitra Kedah
shasmiza11211@gmail.com

²Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Jitra Kedah
sitifat.sf@gmail.com

ABSTRAK

Prinsip Pemasaran merupakan satu kursus teras bagi pelajar-pelajar yang mengambil jurusan pemasaran. Pencapaian yang baik bagi kursus ini memberi peluang dan jaminan yang kuat untuk meneruskan bidang pemasaran dengan jayanya. Berdasarkan statistik keputusan kursus Prinsip Pemasaran (DPM1013) bagi tempoh tiga sesi bermula sesi Jun 2015 hingga Sesi Jun 2017 telah menunjukkan skor nilai mata tiga dan ke atas berada pada tahap rendah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara faktor-faktor yang dikaji dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah. Lima faktor yang dikaji adalah hubungan di antara sikap, minat, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran ini. Populasi kajian adalah seramai 222 orang pelajar diploma pemasaran semester dua bagi sesi Jun 2017 dan Disember 2017. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Nilai alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.938. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0 iaitu korelasi Pearson untuk melihat hubungan dan perkaitan di antara lima faktor yang dikaji dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran. Hasil kajian menunjukkan faktor sikap pelajar mempunyai perkaitan yang rendah dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran. Manakala faktor minat pelajar, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah mempunyai perkaitan yang lemah dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus ini. Beberapa cadangan dikemukakan sebagai satu garis panduan untuk kajian lanjutan bagi meningkatkan pencapaian pelajar Diploma Pemasaran dalam kursus teras mereka iaitu Prinsip Pemasaran.

Kata kunci: Sikap, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan adalah bidang ilmu yang sangat penting dalam meningkatkan pencapaian diri, keluarga, masyarakat dan status kehidupan pada masa kini dan akan datang. Apa jua kursus yang ditawarkan mempunyai keperluan dan manfaat dalam dunia pekerjaan dan kehidupan. Bahkan, generasi muda kini disarankan untuk belajar sehingga ke peringkat yang tertinggi sebagai jaminan dalam persaingan bagi memperolehi kerjaya yang baik seterusnya dapat menyediakan mereka untuk bersaing dalam dunia yang global. Pemasaran merupakan satu bidang penting yang menyumbangkan kepada kejayaan dalam kehidupan individu dan juga sesebuah firma atau organisasi. Ia adalah sebahagian komponen yang sangat diperlukan dalam perniagaan. Pemasaran merupakan salah satu cabang dalam pendidikan teknik dan vokasional. Ini adalah selaras dengan misi Politeknik Malaysia dalam menyediakan persekitaran pembelajaran dan latihan holistik untuk membangunkan potensi individu berkualiti yang kreatif, inovatif, berdaya keusahawanan, kebolehpasaran tinggi dan berdaya saing di peringkat serantau.

Melalui Falsafah Pendidikan Negara (1987), pihak kerajaan turut melahirkan hasrat dan ciri-ciri individu yang diperlukan dan mesti dicapai dengan melaksanakan pendidikan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Justeru itu, pihak institusi pengajian melalui proses pendidikan khususnya Politeknik perlu menyediakan prasarana dan peluang untuk merealisasikan hasrat tersebut. Peranan pendidik juga amat penting dalam membantu menarik minat pelajar. Selain itu, masyarakat menyediakan suasana yang kondusif untuk perkembangan individu. Manakala, ibubapa mempunyai aspirasi tersendiri terhadap perkembangan anak-anak mereka dari aspek akademik, sosial dan emosi. Lantaran itu, komponen-komponen ini perlu bekerjasama dan saling bantu-membantu bagi melahirkan individu yang seimbang sesuai dengan apa yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Penguasaan pelajar dalam sesuatu bidang yang diceburi perlu dititikberatkan dan seharusnya lebih mantap. Ia adalah perlu bagi memenuhi kehendak dan cabaran global pada masa kini. Penguasaan bidang akademik diukur bukan sahaja pada tahap penguasaan malah ianya diukur dari aspek pencapaian yang diperolehi iaitu pencapaian dalam setiap kursus yang diikuti. Menurut Kamus Dewan (2007), pencapaian akademik adalah prestasi atau hasil yang diperolehi daripada proses yang dilalui oleh pelajar terhadap kursus yang diikuti. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2016) mentakrifkan pencapaian sebagai sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Justeru itu, kecemerlangan akademik merupakan suatu indikator penting yang membuktikan pencapaian dan tahap kemahiran pelajar dalam bidangnya. Ini merupakan asas penting yang akan dilihat oleh majikan untuk mengambil pekerja. Di institusi pengajian tinggi, pencapaian akademik dinilai dengan menggunakan Purata Nilai Gred (PNG) atau Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Semua pelajar semester satu yang mengambil jurusan Pemasaran di Politeknik Malaysia diwajibkan untuk mengambil kursus Prinsip Pemasaran (DPM 1013). Kursus ini adalah kursus teras bagi program pemasaran dan pencapaian pelajar dalam kursus ini menjadi satu ukuran serta

kekuatan asas untuk meneruskan program pemasaran di semester akan datang. Berikut adalah statistik keputusan skor bagi kursus Prinsip Pemasaran Sesi Jun 2015 sehingga Jun 2017.

Berdasarkan penelitian terhadap statistik keputusan untuk kursus Prinsip Pemasaran (DPM1013) bagi tempoh tiga tahun bermula sesi Jun 2015 hingga Sesi Jun 2017 (rujuk jadual 1.1), menunjukkan skor nilai mata tiga dan ke atas berada pada tahap rendah. Daripada jumlah keseluruhan pelajar seramai 526 orang, hanya 15 orang pelajar bersamaan 2.85% yang mencapai nilai mata 3.67 dan ke atas sementara hanya 50 orang pelajar bersamaan 9.51% sahaja yang berjaya mencapai nilai mata 3.00 hingga 3.67. Manakala jumlah yang paling tinggi seramai 247 orang pelajar bersamaan 46.96% yang mencapai nilai mata kurang daripada 2.00. Seramai 214 orang pelajar bersamaan 40.68% yang mendapat nilai mata antara 2.00 hingga 3.00 sepanjang tempoh berkenaan. Skor pelajar didapati sangat rendah untuk mencapai nilai mata 3.67 dan ke atas malah bilangan berkurangan daripada 5 orang yang mencapai 3.67 dan ke atas pada tahun 2015 kepada hanya dua orang pelajar melepasi nilai mata tersebut pada tahun 2016. Namun statistik ini ada menunjukkan sedikit peningkatan pada sesi Jun 2017 di mana 8 orang pelajar mencapai julat 4.67 ke atas. Statistik taburan skor ini juga menunjukkan majoriti pelajar hanya mencapai tahap lulus iaitu julat markah di antara 40 hingga 64 di mana julat nilai mata adalah 2.00 hingga kurang dari 3.00. Fenomena ini amat membimbangkan kerana Prinsip Pemasaran merupakan kursus teras bagi pelajar Diploma Pemasaran dan ianya memerlukan asas yang kuat bagi menjamin kefahaman untuk mengikuti kursus-kursus pemasaran di semester seterusnya.

Faktor minat adalah aspek penting yang mendorong pelajar untuk berusaha mencapai yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi. Menurut Zainudin Abu Bakar dan Fazilah Tumin (2010), minat memainkan peranan yang penting bagi membantu seseorang pelajar mencapai kejayaan dalam dunia pendidikan. Dalam kajian mereka berkaitan pengaruh sikap, minat, pengajaran guru dan rakan sebaya terhadap pencapaian matematik pelajar, dapatan menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara sikap, minat dan pengajaran guru dengan pencapaian pelajar. Ini membuktikan bahawa aspek-aspek tersebut sangat penting dalam proses meningkatkan pencapaian pelajar dalam kursus tersebut.

Selain itu, adalah sangat penting bagi pelajar berusaha meningkatkan dan memantapkan pencapaian kursus Prinsip Pemasaran ini bagi memastikan penguasaan kursus pemasaran pada semester seterusnya. Ini adalah kerana kursus Prinsip Pemasaran adalah asas utama untuk menjamin penguasaan kursus pemasaran yang lain. Pelajar akan mengalami kesukaran untuk memahami kursus-kursus pemasaran pada peringkat seterusnya sekiranya pencapaian kursus Prinsip Pemasaran sangat lemah. Kaedah atau teknik pembelajaran pelajar yang betul juga boleh menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam sesuatu kursus. Menurut Heller (2010) dalam kajian terhadap pencapaian mata pelajaran Fizik mendapati pelajar yang cenderung kepada teknik menghafal nota berbanding memahami konsep Fizik akan berdepan kesukaran terutamanya apabila struktur soalan berubah walaupun dikekalkan konsep Fizik yang sama. Oleh itu, pelajar perlu mengamalkan kaedah atau teknik yang bersesuaian dengan kursus atau bidang yang dipelajari kerana ianya turut menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar.

Faktor persekitaran atau iklim Politeknik juga tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Menurut Ahmad Rizal, Nurul Akmar dan Saifullizam (2005)

faktor – faktor seperti sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah adalah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar. Ini disokong oleh Karemera (2003) di mana beliau mengatakan bahawa pencapaian akademik pelajar adalah sangat berkait rapat dengan persekitaran akademik dan kemudahan alatan serta sumber pembelajaran di sekolah. Faktor fizikal tempat belajar merangkumi suasana fizikal di dalam tempat belajar dan kawasan sekitarnya. Persekitaran kelas atau bilik kuliah serta persekitaran disekelilingnya memainkan peranan penting kepada keselesaan dan keberkesanan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dari segi persaingan masa kini, graduan perlu bersaing dengan lepasan-lepasan graduan yang lain dalam merebut peluang dan ruang yang baik di pasaran. Selain dari personaliti diri yang baik serta kemahiran dalam sesuatu bidang, pencapaian akademik turut menjadi ukuran untuk meneruskan lagi pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta menjadi tiket untuk memasuki alam pekerjaan yang bermanfaat. Menurut Wan Mohd Fazli (2014) proses pendidikan yang berjaya bukan bermaksud berjaya mendapatkan segulung diploma atau ijazah tetapi maksud pendidikan yang sempurna adalah dapat mengharungi kehidupan pada masa akan datang dan dapat mengharungi dugaan serta rintangan kehidupan yang cukup mencabar dewasa ini dengan menggunakan ilmu yang mereka pelajari. Justeru itu, penyelidik melihat kepada keperluan untuk mengenalpasti hubungan faktor-faktor yang dikaji iaitu sikap pelajar, minat pelajar, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah.

2.0 KAJIAN LEPAS

Daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Awodun, Oni dan Aladejana (2014), faktor sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Fizik dan tabiat ulangkaji pelajar menunjukkan keputusan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Kajian ini disokong oleh Mohd Noor Badlishah Abdul kadir, Mohd Mustaman Abdul Karim dan Nurulhuda Abd Rahman (2015), yang mendapati faktor sikap memberi sumbangan terhadap pencapaian Fizik. Minat akan mendorong perubahan sikap pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Pelajar akan lebih bersikap positif terhadap sesuatu yang diminati. Pelajar yang belajar dengan penuh minat akan berasa seronok dan terdorong untuk lebih berusaha dalam mencapai matlamat iaitu untuk memperolehi gred A.

Perlakuan seseorang dipengaruhi kuat oleh sikapnya terhadap sesuatu perkara. Sikap pelajar yang suka ponteng dan tidak mengambil berat terhadap kehadiran boleh mempengaruhi pencapaian pelajar kerana mereka akan ketinggalan dalam pelajaran. Ini disokong oleh Jarrio (2014) dalam laporannya yang bertajuk Kehadiran ke kursus Pengenalan Fizik mendapati rekod kehadiran pelajar ke kuliah adalah faktor penyumbang kepada pencapaian pelajar dalam kursus atau mata pelajaran yang diikuti. Hasil dapatan kajian Norhani (2005) dalam mengenalpasti masalah sikap di kalangan pelajar berprestasi kurang memuaskan mendapati ianya berpunca dari tiada kesungguhan untuk mendapat markah yang cemerlang dan tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan. Hasil dapatan Sabri Ahmad (2003) pula menunjukkan sikap dan minat pelajar boleh diubah sekiranya sesuatu mata pelajaran yang diajar mampu menarik minat pelajar terhadap pembelajaran serta membimbing mereka supaya bersedia untuk menerima pelajaran seterusnya. Abdul Fatah Hasan (2001) menyatakan sikap yang baik dapat melahirkan insan yang berpotensi

dan cemerlang dalam pencapaian akademiknya. Ini disokong oleh Sulaiman Masri (2005) bahawa sikap pelajar yang bersungguh-sungguh terhadap pembelajaran adalah pendorong ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Dapatan kajian-kajian lepas seperti yang dilakukan oleh Zainun (1991), Masita (2002) dan Chong (2003) mendapati bahawa sikap mempengaruhi pencapaian Matematik pelajar. Pelajar yang bersikap tinggi terhadap Matematik lazimnya akan menyiapkan kerja yang diberikan dalam masa yang ditetapkan, hadir ke kelas, bersemangat untuk belajar, bertanya sekiranya terdapat kemusykilan dan sebagainya. Sikap sebegini sudah pasti akan meningkatkan pencapaian pelajar tersebut. Kebanyakan dapatan kajian menunjukkan faktor sikap pelajar mempengaruhi dan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.

Zakariya dan Bamidele (2015) juga menyatakan bahawa penetapan masa dan ulangkaji sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Pelajar yang mengulangkaji di saat-saat akhir menyebabkan mereka menghadapi masalah tidak cukup masa mengulangkaji dan seterusnya menyebabkan tekanan keresahan dan kerisauan sebelum menduduki peperiksaan, (Zakariya & Bamidele, 2015). Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin dan Jane (2012) yang mendapati pelajar yang mempunyai rancangan masa belajar yang teratur lebih cemerlang berbanding mereka yang sebaliknya. Hasil kajian Norhani et al. (2005), pengkaji merumuskan bahawa cara pembelajaran yang tidak konsisten dan tiada inisiatif untuk berusaha sendiri dengan mencari bahan rujukan di perpustakaan merupakan faktor yang menjejaskan prestasi pembelajaran pelajar di UTM.

Selain itu, hasil dapatan kajian Wan Muhammad Saidi (2012) telah merumuskan bahawa prestasi akademik, persekitaran bilik darjah dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran di rumah merupakan pembolehubah peramal utama dengan menyumbang sebanyak 41.10 peratus varians terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah berprestasi cemerlang dan kurang cemerlang di Negeri Kelantan. Manakala hasil dapatan Ahmad Rizal Nurul Akmar dan Saifullizam et al. (2005) mendapati terdapat tiga faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar diploma di tiga buah politeknik terhadap pencapaian mata pelajaran Sistem Elektronik I iaitu faktor sikap, faktor persekitaran atau iklim politeknik dan faktor pengajaran pensyarah. Melalui analisis yang dilakukan, didapati bahawa faktor sikap, minat dan kaedah pembelajaran memberikan hubungan signifikan yang sederhana dengan pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran Sistem Elektronik I manakala faktor iklim atau persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah menunjukkan hubungan yang lemah terhadap pencapaian pelajar dalam menguasai mata ini. Hasil kajian mereka telah membuktikan bahawa faktor sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar diploma dalam menguasai mata pelajaran Sistem Elektronik I di Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Shah Alam (PSA) dan Politeknik Port Dickson (PD). Laporan Sintayehu (2014) pula menunjukkan terdapat kewujudan pengaruh tenaga pengajar dalam memupuk sikap positif atau negatif kepada subjek atau kursus serta prestasi akademik yang lemah di dalam kelas dan di institusi pengajian tinggi. Kenyataan ini disokong daripada hasil kajian Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin dan Jane et al.(2012), yang mendapati faktor tenaga pengajar ini merupakan faktor utama yang merangkumi aspek sebagai pembimbing pembelajaran, pemberi motivasi serta kesungguhan dalam mengajar. Kaedah pengajaran yang berkesan adalah perlu bagi meningkatkan minat pelajar untuk belajar. Ini secara tidak langsung seseorang guru atau pensyarah sudah dapat meningkatkan keyakinan diri dan motivasi pelajarinya.

3.0 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk korelasi yang dapat menentukan sama ada faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah berkait atau tidak berkait dengan pencapaian pelajar. Sekiranya terdapat korelasi pada pembolehubah-pembolehubah berkenaan, maka perubahan pada satu pembolehubah akan melibatkan perubahan yang sama pada pembolehubah yang lain. Pekali korelasi (r) menunjukkan ukuran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah. Nilai r , tidak boleh melebihi +1.0 atau kurang daripada -1.0. Menurut Schloss dan Smith (1999), kajian korelasi sesuai digunakan untuk menentukan hubungan antara dua pembolehubah. Sekiranya wujud hubungan yang signifikan, maka salah satu pembolehubah boleh digunakan untuk meramal pembolehubah yang satu lagi.

3.1.1 Populasi dan Sampel

Populasi terdiri daripada 222 orang pelajar Program Diploma Pemasaran semester dua dari sesi Disember 2016 dan Jun 2017 di POLIMAS.

3.1.2 Instrumentasi Kajian

Instrumen kajian digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan murah serta dapat menjimatkan masa. Selain itu, Jones (1996) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai kerana ianya lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden serta kaedah soal selidik amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan. Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A meninjau maklumat peribadi responden. Manakala Bahagian B mengandungi soalan yang terdiri daripada empat konstruk iaitu, sikap, minat, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah. Bahagian B (soalan) menggunakan Linear Skala Likert. Penentuan kekuatan korelasi antara komponen adalah merujuk kepada Jadual 4.

Jadual 4: Penentuan Kekuatan Korelasi Antara Komponen

Nilai Korelasi, r	Kekuatan Hubungan
$\pm 0.90 - 1.00$	Sangat Tinggi
$\pm 0.70 - 0.90$	Tinggi
$\pm 0.50 - 0.70$	Sederhana
$\pm 0.30 - 0.50$	Rendah
$\pm 0.01 - 0.30$	Lemah
0	Tiada hubungan

(Sumber: Hinkle, Wiersma dan Jurs, 1998)

4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1. Analisis Dapatan Kajian

Dapatan kajian dianalisis mengikut bahagian. Analisis data bagi Bahagian A dibuat secara kuantitatif mengikut kekerapan dan peratus. Manakala pada Bahagian B pula, data dianalisis secara kuantitatif menggunakan analisis korelasi Pearson.

Bahagian A : Latar Belakang Pelajar

Kajian ini melibatkan 222 orang pelajar semester dua yang terdiri daripada 161 orang pelajar perempuan (72.5%) dan 61 orang pelajar lelaki (27.5%) yang telah mengikuti kursus Prinsip Pemasaran (DPM 1013). Majoriti umur pelajar adalah di antara 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 207 orang pelajar (93.2%), diikuti oleh 15 orang pelajar (6.8%) dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun. Kebanyakan pelajar terdiri daripada bangsa Melayu seramai 183 orang (82.4%), diikuti oleh bangsa Cina seramai 13 orang (5.9%), manakala bangsa India seramai 26 orang (11.7%). Majoriti pelajar seramai 116 orang (52.3%) telah mendapat keputusan nilai mata kurang dari 2.00 dalam peperiksaan akhir kursus Prinsip Pemasaran manakala seramai 78 orang (35.1%) mendapat nilai mata 2.00 hingga kurang dari 3.00. Selain itu seramai 19 orang pelajar (8.6%) mendapat keputusan nilai mata antara 3.00 hingga kurang dari 3.67 dan hanya 9 orang pelajar (4.15) yang berjaya mencapai keputusan nilai mata 3.67 dan ke atas dalam kursus Prinsip Pemasaran ini.

Bahagian B : Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran

Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai kursus Prinsip Pemasaran dikaji dari segi hubungan di antara empat faktor iaitu sikap pelajar, minat pelajar, kaedah pembelajaran pelajar, persekitaran Politeknik dan pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus ini.

4.2. Analisis Pembolehubah Dengan Pencapaian Pelajar

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis korelasi diantara pembolehubah yang dikaji dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran (DPM1013)

Jadual 5: Hubungan Pembolehubah Dengan Pencapaian Pelajar

Hubungan	Korelasi (r)	Kekuatan Hubungan
Sikap dengan pencapaian	-0.270	Rendah
Minat dengan pencapaian	-0.159	Lemah
Kaedah Pembelajaran dengan pencapaian	-0.0801	Lemah
Persekitaran Politeknik dengan pencapaian	0.013	Lemah
Pengajaran Pensyarah dengan pencapaian	-0.074	Lemah

*signifikan pada aras keertian $p=0.01$

4.2.1 Hubungan Antara Sikap Dengan Pencapaian kursus Prinsip Pemasaran

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan sikap pelajar dengan pencapaian kursus Prinsip Pemasaran adalah hubungan yang rendah (negatif) dengan nilai 0.270. Hasil ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian Noor Erma dan Leong Kwan Eu (2014) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan ($r=0.11, p<0.05$). Menurut Noraini Omar (2008), dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini selaras dengan kajian Muhammad Shukri, Meer Zher Farouk dan Mohd Zahari (2006) terhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik rendah di kalangan Mahasiswa/i Universiti Teknologi MARA Kelantan yang menunjukkan faktor utama yang menyebabkan pelajar mendapat pencapaian yang rendah adalah berpunca daripada diri sendiri sama ada pelajar bersikap positif untuk berjuang memajukan diri disamping faktor-faktor persekitaran, kawan, keluarga, pensyarah dan lain-lain. H_{a1}: Terdapat hubungan signifikan antara sikap pelajar dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran.

4.2.2 Hubungan Antara Minat Dengan Pencapaian kursus Prinsip Pemasaran

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan minat dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran adalah hubungan yang lemah (negatif) dengan nilai 0.159. Ini menunjukkan bahawa minat pelajar mempengaruhi keputusan mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran. Ini selaras dengan hasil kajian Suhana dan Intan (2016) yang merumuskan bahawa faktor minat, pengajaran pensyarah dan persekitaran merupakan antara penyumbang utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Matematik Kejuruteraan 2 (DBM 2013) di Politeknik Mukah kerana hasil kajian mendapati faktor-faktor ini mendapat skor min pada tahap tinggi. Ini disokong oleh hasil kajian Su Swariat (2012) di mana pelajar dilihat akan lebih bersemangat untuk membuat latihan Matematik jika mereka mempunyai minat yang tinggi dalam subjek Matematik. Oleh itu, pelajar yang mempunyai minat terhadap sesuatu matapelajaran akan berusaha untuk meningkatkan pencapaian dalam matapelajaran tersebut. Dalam kajian ini mendapati pelajar sering rasa gembira di sepanjang pembelajaran kursus Prinsip Pemasaran dan ini menunjukkan minat pelajar terhadap kursus ini. Mereka juga minat melaksanakan setiap tugas yang diberikan dengan sempurna. Bagaimanapun, pelajar didapati jarang berjumpa pensyarah di luar waktu kuliah berkaitan penyelesaian masalah sesuatu tajuk dalam kursus ini, mereka juga jarang bertanya semasa sesi kuliah dan jarang membuat latihan tambahan. Kenworthy dalam Noraini (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar adalah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Dapatan ini juga selaras dengan kajian Tengku Sharifah Tuan Yusoff (2004) berkaitan masalah minat pelajar tahun 6 dan pendekatan guru terhadap soalan penyelesaian masalah mata pelajaran Matematik yang menunjukkan terdapat hubungan positif tinggi ($r=0.71, p<0.01$) antara minat pelajar dan pendekatan dengan pencapaian mereka. H_{a2}: Terdapat hubungan signifikan antara minat pelajar dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran.

4.2.3 Hubungan Antara Kaedah pembelajaran Dengan Pencapaian kursus Prinsip Pemasaran

Dapatan kajian menunjukkan hubungan kaedah pembelajaran dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran adalah hubungan yang lemah (negatif) dengan nilai 0.0801. Ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran pelajar mempengaruhi keputusan mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran. Kebanyakan hasil kajian menyatakan bahawa kaedah pembelajaran berkait rapat dengan faktor-faktor tertentu seperti bahan yang dipelajari, masa, pengetahuan serta matlamat yang ingin dicapai. Oleh itu, setiap pelajar mempunyai faktor-faktor tertentu yang membezakan kaedah pembelajaran berkesan di antara mereka. Kaedah pembelajaran yang lemah dan tidak sesuai boleh menyebabkan salah faham dan tafsiran pada kandungan dan soalan mata pelajaran tersebut. Hasil kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar memilih kaedah belajar secara berkumpulan dan bergantung kepada latihan yang diberikan oleh pensyarah yang banyak membantu memahami kursus Prinsip Pemasaran. Mereka juga memastikan yang mereka benar-benar memahami kehendak soalan sebelum menyelesaikan sesuatu tugas dan meminta penjelasan semula dari pensyarah untuk tajuk yang kurang jelas. Bagaimanapun majoriti pelajar didapati gagal memperuntukkan tempoh masa yang sesuai untuk ulangkaji serta kurang membuat latihan dan bacaan tambahan untuk kursus ini. Keadaan ini perlu diubah supaya pelajar mengamalkan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Ini disokong oleh dapatan kajian Asnul Dahar dan Anasyuhada (2007) terhadap pelajar-pelajar Tahun 4 Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal) di Fakulti Pendidikan yang menunjukkan bahawa faktor kaedah pembelajaran pelajar yang berkesan memainkan peranan dalam mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar. H_{a3} : Terdapat hubungan signifikan antara kaedah pembelajaran dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran.

4.2.4 Hubungan Antara Persekitaran Politeknik Dengan Pencapaian kursus Prinsip Pemasaran


Dapatan kajian menunjukkan hubungan persekitaran politeknik dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran adalah hubungan yang lemah dengan nilai 0.013. Ini menunjukkan bahawa Persekitaran Politeknik mempengaruhi keputusan mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran. Pelajar didapati memerlukan bilik kuliah yang bukan sahaja bersih dan selesa tetapi dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang bersesuaian untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudahan di perpustakaan juga didapati banyak membantu pelajar untuk membuat rujukan. Selain itu, pihak asrama juga menyediakan bilik belajar bagi memudahkan interaksi pembelajaran dan perbincangan. Kajian ini selaras dengan hasil dapatan kajian Nur Shazlina dan Hartini (2012) bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor persekitaran sekolah dengan tahap gred ($r=0.273$, $p<0.01$). Ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran sekolah mempengaruhi keputusan pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan iaitu semakin selesa dan bersih persekitaran sekolah, semakin tinggi juga keputusan akademik pelajar. Ini selaras dengan dapatan Akinleke Wasiu Olaitan (2012) tentang kajian kesan ciri-ciri latar belakang dan faktor sekolah terhadap prestasi dan kepuasan pelajar kolej, telah menunjukkan kemudahan bilik kuliah yang mencukupi termasuklah persekitaran fizikal sekolah mempunyai hubungan dengan prestasi akademik pelajar. Seiring dengan itu, Koh dan Chua (1982) yang dipetik oleh Shafini (2005) menyatakan kepentingan suasana bilik darjah bagi menaikkan minat pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya lagi, suasana yang mendorong sesi pengajaran dan pembelajaran mempunyai korelasi atau hubungan di antara persekitaran fizikal

bilik darjah. Oleh itu, pelajar memerlukan suasana persekitaran yang kondusif bagi memastikan pencapaian akademik mereka terus meningkat. H_{a4} : Terdapat hubungan signifikan antara persekitaran Politeknik dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran.

4.2.5 Hubungan Antara Pengajaran Pensyarah Dengan Pencapaian kursus Prinsip Pemasaran

Dapatan kajian menunjukkan hubungan pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran adalah hubungan yang lemah (negatif) dengan nilai 0.074. Ini menunjukkan bahawa Pengajaran Pensyarah mempengaruhi keputusan mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran. Menurut Mohd Razali, S (2015), penerangan pensyarah yang jelas diikuti dengan latihan yang mencukupi dapat meningkatkan pencapaian pelajar memperoleh gred yang tinggi. Justeru itu, seseorang pensyarah yang baik perlu menguasai teknik-teknik penyampaian dan perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan pelajar. Penyampaian pengajaran yang lemah dianggap sebagai faktor utama yang menyumbang kepada prestasi yang lemah (Yahya Samian, 2012) Ini juga selaras dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan wujudnya hubungan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian kursus Prinsip Pemasaran. Bagi kursus ini, pensyarah didapati berkeyakinan, menggunakan bahasa yang mudah difahami dan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Pensyarah juga dapat mengawal aktiviti pelajar dalam bilik kuliah dan sering memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Salleh (2003) dan Harittie (2003) dalam Rohani Arba'a (2010), telah menyatakan bahawa faktor tenaga pengajar adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap mata pelajaran atau kursus serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum. H_{a5} : terdapat hubungan signifikan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran.

Berdasarkan kepada analisis data yang telah dilakukan, hubungan pembolehubah faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran, persekitaran politeknik dan pengajaran pensyarah mempunyai hubungan dalam pencapaian kursus Prinsip Pemasaran (DPM1013) sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ianya boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model Hubungan Pencapaian Dengan Pembolehubah Kajian

5.0 KESIMPULANDAN CADANGAN

Secara kesimpulan keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan di antara faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran pelajar, persekitaran Politeknik dan Pengajaran Pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus Prinsip Pemasaran (DPM 1013). Faktor sikap dilihat sebagai faktor utama berdasarkan hasil dapatan analisis korelasi Pearson dimana nilainya lebih tinggi berbanding faktor-faktor lain. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar, pensyarah dan pihak jabatan untuk mengambil inisiatif bagi tujuan meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik. Ianya juga diharapkan dapat dijadikan sebagai input kepada pelajar bagi meningkatkan mutu pembelajaran dengan menggunakan strategi yang sesuai dalam memberi tumpuan kepada pencapaian akademik serta mampu mengawal keadaan persekitaran supaya lebih bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran. Pelajar boleh mengenalpasti penyebab kepada pencapaian mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran dan mereka perlu berusaha mengubah cara dan gaya pembelajaran dari masa ke semasa mengikut kesesuaian supaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam kursus tersebut.

Para pensyarah juga boleh mendapat gambaran untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka. Pensyarah perlu mencuba untuk mempelbagaikan kaedah dan pendekatan terkini pengajaran dan pembelajaran agar ianya menjadi daya tarikan kepada pelajar serta memudahkan penerimaan dan pemahaman pelajar. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran boleh menarik minat pelajar untuk mengikuti kursus Prinsip Pemasaran ini.

Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak jabatan mengenalpasti masalah akademik pelajar dalam kursus ini serta cuba memperbaiki persekitaran serta kualiti pengajaran dan pembelajaran. Cara ini dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka. Menerusi kajian ini juga, pihak pengurusan iaitu Politeknik dapat menyediakan dan menambahbaik infrastruktur serta kemudahan yang bersesuaian dengan bidang atau jurusan pengajian pelajar. Persekitaran Politeknik termasuklah kemudahan-kemudahan yang disediakan sekiranya mencukupi boleh memotivasikan pelajar untuk meningkatkan pencapaian mereka.

Kajian yang dicadangkan pada masa hadapan adalah melihat semua faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dengan item – item yang lain, selain faktor yang dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini. Kajian ini juga perlu dibuat dengan mengambil responden dari beberapa politeknik lain sebagai sampel kajian kerana ini akan memberikan gambaran yang lebih meluas bagi menggambarkan keseluruhan Politeknik Malaysia. Susulan dari dapatan kajian ini juga, penyelidik mencadangkan agar pensyarah dapat menghasilkan satu inovasi dari segi pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunapakai oleh pelajar untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam kursus Prinsip Pemasaran.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya. Prentice Hall.
- Abdul Fatah Hasan (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Bakar, Zainudin dan Tumin, Fazilah (2010). *Hubungan Antara Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) Dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik) Di Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi. Pp. 1-11.
- Akinleke Wasiu Olaitan (2012). Kajian Kesan Faktor Ciri-ciri Latarbelakang dan Sekolah Terhadap Kepuasan dan Prestasi Pelajar Kolej. *Journal of Education and Practice*, Vol.3,No.8.
- Asnul Dahar dan Anasyuhada (2007). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kecemerlangan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal) Di Fakulti Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Awodun, A. O. Oni. S. A., & Aladejana, A. L. (2014). Students' Variables as Predictor of Secondary School Students' Performance in Physics. *International Journal of Scientific and Research Publications*, Vol. 4, Issue 8, August 2014.
- Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli dan Yusof Boon (2007). *Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Matapelajaran Matematik: Sejauhmanakah Hubungan Ini Relevan?*
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin dan Saifullizam Puteh (2005). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Politeknik-Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Prosiding Seminar Pendidikan JJPG 2005. Muka surat 52-59. Fakulti Pendidikan Teknikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- Chong Chee Kong (2003). *Hubungan antara sikap, minat dan persepsi dengan prestasi matematik pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Confucian, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasmah (2014). *Pengaruh Faktor persekitaran terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Heller, K. (2010). *Strategies for Learning to Solve Physics Problems*. Dipetik pada Jan, 1, 2016 dari <https://www.aapm.org/meetings/2010SS/documents/Heller.pdf>
- Hinkle, D.E., Wiersma, W., & Jurs, S.G. (1998). *Applied Statistics For Tha Behavioral Sciences*. Boston: Houghton Mioffin Company.
- Ismail, M. & Marzuki, M. (2000). *Kajian Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Interaksi Di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Johor*. Johor: UTM.

- Jarrio, M.M. (2014). *Attendance in Introductory Physics Courses*. Dipetik pada Jan, 5, 2016 dari http://people.physics.gatech.edu/~courses/2014/Fall/2211/ABC/main/Announcements/attendance/data_att.html
- Jones, K.H, Womble, M. and Searcy, C.A (1996). T & I Education Students. *Perceptions Of Courses*. Journal Of Industrial Teacher Education. 34. 82 – 101.
- Kamus Dewan (2000), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan (Edisi Ke Empat). (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Karemera, D. 2003. *The Effects of academic environment and background characteristics on students' satisfaction and performance: The Case of South Carolina State University's School of Business*. College Student Journal, 37(2): 298- 11.
- Masita Miskam (2002). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Di Kalangan Aliran Teknik dan Vokasional di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Negeri Johor*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin & Jane F.H. (2012). *Kajian Terhadap Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah*. Labuan International Conference on Education Research. Dipetik pada Julai, 1, 2016 dari [http://irep.iium.edu.my/26876/1/Full_Paper_LICER_Faktor_Pencapaian_Akademik_PMR_di_Sabah .pdf](http://irep.iium.edu.my/26876/1/Full_Paper_LICER_Faktor_Pencapaian_Akademik_PMR_di_Sabah.pdf)
- Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim, & Nurulhuda Abd. Rahman (2015). *Sikap Terhadap Pembelajaran Fizik Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Dalam Kalangan Pelajar Sains*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Negeri Kali ke 5. Disember 2015. Muka surat 56
- Mohd Razali, S (2015). *Pencapaian Kursus Matematik Atau Statistik Di Kalangan Pelajar UTHM: Punca Kelemahan Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Lebih Diminati*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Knmelestarian Insan kali ke-2 (2015).pp 339-361. The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban.
- Muhammad Shukri Salleh, Meer Zhar Farouk bin Amir Razli dan Mohd Zahari Yusoff (2006). *Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Yang Rendah di Kalangan Mahasiswa/i Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006*. Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan.
- Nasriq (2012). *Ulasan Akademik Terhadap Permasalahan Pelajar*. Artikel. Fakulti Mekanikal dan Pembuatan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Noor Erma Binti Abu dan Leong Kwan Eu (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (Januari 2014, Bil. 2 Isu 1)*
- Noraini Omar (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak*.
- Norhani B., Noor Z.A.R, Hamidah A.R dan Aminah A.K.(2005), *Punca Prestasi Pembelajaran Pembelajaran yang Lemah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan Dan Pembangaunan*

- Sumber Manusia*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Jurnal Teknologi, 43(E), ms 29-44.
- Nur Shazlina Saat dan Hartini Jaafar (2012). *Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakauan: Kajian Di Daerah Kota Bharu, Kelantan*. Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2015. Muka surat 983-993.
- Osman, M. T. (2004). *Universiti Dan Tradisi Kecemerlangan*. Terbitan Universiti Malaya Kuala Lumpur ISBN 983-100-182-6
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka. Dipetik pada Jun, 5, 2016 dari <http://prpm.dbp.gov.my>
- Rohani Arba'a, Hazril Jamil dan Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-guru Dan Kaitannya dengan Komitment Pelajar Belajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2): ms 61-69.
- Sabri Ahmad (2003). *Siri pengajian dan Pendidikan Utusan: Kemahiran Belajar berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Shaari, A. S., Mohd Yusoff, N., Ghazali, M. I., Osman, R. (2012). *Hubungan antara gaya pengajaran pensyarah dengan penglibatan akademik pelajar universiti*.
- Schloss, P.J. dan Smith, M.A. (1999), *Conducting Research*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Shafini Ibrahim (2005). *Pengaruh Budaya Sekolah Terhadap Pengajaran Guru Tingkatan 3 mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sintayehu, M. (2014). Problems Challenging the Academic Performance of Physics Students in Higher Governmental Institutions in the Case of Arbaminch, Wolayita Sodo, Hawassa and Dilla Universities. *Natural Science Journal*, 6: 362-375.
- SPMP POLIMAS.(2017). *Taburan Skor Keputusan Pencapaian Pelajar Sesi Jun 2015 hingga Jun 2017*. Diakses daripada www.polimas.edu.my pada 20 Disember 2017
- Su Swariat,A.O. (2012). Activity Matters: Understanding Student Interest in School Science. *Journal of Research in Science Teaching* Vol. 49, Issue 4, pp 515-537.
- Suhana Ramli dan Intan Noor Dzalika Azis (2016). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Matematik Kejuruteraan 2 (DBM 2013) Di Politeknik Mukah*. Technology and Innovation (TECHON) 2016. National Conference 2016. The waterfront Hotel.
- Sulaiman (2004), *Pengenalan Pedagogi*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (essei, proposal, tesis)*. Utusan Publication. Kuala Lumpur.
- Tengku Sharifah Tuan Yusoff (2004). *Masalah Minat Pelajar-pelajar Tahun 6 dan Pendekatan Guru Terhadap Soalan Penyelesaian Masalah bagi Mata Pelajaran Matematik: Satu Tinjauan di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian 1 di Negeri Kelantan*. UPSI, Perak.

Wan Mohd Fazli Wan Yusop (2014). *Faktor Yang Mendorong Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Program Kimpalan Di Kolej Vokasional*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Wan Muhammad Saidi (2012). *Faktor Penyumbang Utama Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Berprestasi Cemerlang Dan Kurang Cemerlang Di Negeri Kelantan*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Yahya Samian, N. M. (2012). *Student's Perception on Good Lecturer Based on Lecturer*

Sesi pengajian	Sesi Jun dan Disember 2015		Sesi Jun dan Disember 2016		Sesi Jun 2017		Jumlah Pelajar
Bilangan Kelas	DPR1 (7 KELAS)		DPR1 (6 KELAS)		DPR1 (4 KELAS)		
Nilai mata (x)	%	Bilangan Pelajar	%	Bilangan Pelajar	%	Bilangan Pelajar	
x<2.00	43.28	87	55.94	113	38.21	47	247
2.00<=x <3.00	44.28	89	35.15	71	43.90	54	214
3.00<=x<3.67	9.95	20	7.92	16	11.38	14	50
x>=3.67	2.49	5	0.99	2	6.50	8	15
Jumlah	100	201	100	202	100	123	526

Performance Assessment. International Conference on Teaching and Learning in Higher Education (ICTLHE 2012) Inconjunction with RCEE & RHED 2012.

Yusri bin Kamin (2000). *Perkembangan Profesionalisme Graduan Kemahiran Hidup Lulusan UTM di Sekolah-sekolah di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.

Zainun Shaffian (1991). *Latar Belakang dan Sikap Pelajar-pelajar Melayu dan Kaitannya Dengan Prestasi Dalam Mata Pelajaran Matematik Moden*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakariya, Y. F. & Bamidele, E.F. (2015). Investigation Into The Causes Of Poor Academic Performance In Mathematics Among Nigerian Undergraduate Students. *World Journal of Social Science And Humanities*, vol 1, No 1.1-5

APPENDIX

Jadual 1: Statistik keputusan skor bagi kursus Prinsip Pemasaran pelajar Semester Dua Diploma Pemasaran bermula Sesi Jun 2015 hingga Sesi Jun 2017 mengikut peratusan dan bilangan pelajar. (Sumber: SPMP POLIMAS Sesi Jun 2015 hingga Jun 2017)